

NC Seru Pelajar Sahut Cabaran APEX

Mahasiswa-mahasiswi Universiti Sains Malaysia (USM) disarankan menggandakan prestasi dari segenap bidang sebagai persediaan menyahut cabaran Universiti Apex.

Menurut Naib Canselor USM, Prof. Tan Sri Datuk Dzulkifli Abd. Razak, pelajar-pelajar USM harus memberi fokus utama terhadap aktiviti yang lebih intelektual.

“Tumpuan seharusnya diberikan kepada isu-isu yang lebih positif dan berfaedah dalam universiti.

“Pelajar-pelajar USM juga perlu berusaha lebih gigih untuk mencapai prestasi yang lebih baik berbanding sebelum ini setelah USM diberi penghormatan sebagai universiti APEX yang pertama,” jelas beliau kepada Berita Kampus setelah

menyempurnakan penutup Majlis Tilawah al-Quran & Festival Kesenian Islam Universiti Sains Malaysia (USM) yang diadakan di Kampus Kejuruteraan USM baru-baru ini.

Sementara itu, beliau turut berharap media mampu memainkan peranan mereka sebagai agen perubahan bagi merealisasikan sasaran USM untuk disenarai dalam ranking 100 universiti terbaik dunia dalam tempoh lima tahun dan ranking 50 terbaik menjelang 2020.

USM sebelum itu telah dipilih sebagai universiti Apex pertama pada 3 September lalu selepas mengetepikan tiga lagi universiti yang turut disenarai pendek iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).